

# 31 atlet UTHM sertai Sukma 2013

JOHOR BAHRU 14 Mei - Seramai 31 orang atlet Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dipilih mewakili Pasukan Mendayung Kontingen Johor ke Sukan Malaysia (Sukma) Ke-16 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, Jun ini.

Pasukan diwakili 14 lelaki dan 17 wanita itu dilatih dua atlet UTHM yang pernah beraksi pada Sukan SEA 2011 iaitu Safuan Md. Jani dan Mohd. Zulfadli Rozali, selain ketua jurulatih, Azlie Abd. Jalil dan pengurus pasukan, Shaid Jaffar.

Bagi mempersiapkan diri menyertai kejohanan berprestij di Malaysia itu, pasukan tersebut menjalani latihan di beberapa tempat, antaranya di Stadium UTHM dan di

Empangan Sembrong, Ayer Hitam bermula November tahun lalu.

Pemilihan UTHM dibuat ekoran pencapaian cemerlang Pasukan Mendayung UTHM menggondol beberapa pingat emas serta juara keseluruhan dalam beberapa siri kejohanan yang disertai, antaranya *Varsity Boat Race* dan *Head of Putrajaya* sebelum ini.

Selain pasukan mendayung, seramai enam atlet pelbagai jenis sukan daripada UTHM turut terpilih mewakili negeri masing-masing dalam acara bola baling (dua orang), bola tampar (seorang) dan futsal (dua orang).

Bagi bola baling, dua orang atlet UTHM akan mewakili Negeri Sem-

bilan dan Melaka, seorang atlet bola tampar UTHM mewakili Johor dan dua daripada pasukan futsal wanita UTHM mewakili Negeri Sembilan.

Pencapaian membanggakan daripada atlet UTHM ke peringkat tertinggi dalam sukan tanah air banyak membantu mencapai matlamat Pusat Sukan UTHM membangunkan sukan di Malaysia dalam melahirkan ahli sukan bertaraf antarabangsa.

Ini juga selari dengan saranan Kementerian Pengajian Tinggi yang menyasarkan 30 peratus atlet negara ini lahir daripada institusi pengajian tinggi dan pada masa sama mampu menaikkan nama UTHM.



ATLET skuad mendayung Universiti Tun Hussein Onn Malaysia akan mewakili Johor ke Sukma Ke-16 di Kuala Lumpur Jun ini.